



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

**GARIS PANDUAN
PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN
ORANG KOMPETEN
2024**

(Dikemaskini pada: 13 Jun 2024)

PRAKATA

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang mengiktiraf kompetensi dan mengeluarkan perakuan pendaftaran ke atas individu atau syarikat yang mempunyai kelayakan, pengalaman, kepakaran, dan pengetahuan dalam bidang yang diperlukan oleh akta dan peraturan yang dikuatkuasakan. Perakuan pendaftaran ini dikeluarkan kepada individu yang layak dalam membantu majikan menunaikan tanggungjawab di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja serta orang-orang lain yang mungkin terjejas akibat daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang wujud daripada aktiviti kerja tersebut.

Justeru itu, garis panduan ini adalah sebagai rujukan kepada mana-mana individu atau syarikat yang ingin memohon pendaftaran baharu dan pembaharuan pendaftaran orang kompeten di bawah Akta 514. Orang kompeten (individu) tersebut adalah Pengapit, Penaksir Kualiti Udara Dalam, Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan, Juruteknik Higien, Penaksir Risiko Bising, Penyelia Keselamatan Tapak, Operator Kren, Orang Yang Berkelayakan Jentera Mengangkat, Orang Kompeten Lif, Doktor Kesihatan Pekerjaan, Orang Kompeten Major Hazard, Jurutera Dandang Stim dan Operator Dandang Stim.

Manakala orang kompeten (syarikat) adalah Orang Kompeten (Syarikat) Pembinaan dan Pembaikan Dandang Stim, Orang Kompeten (Syarikat) Pembinaan dan Pembaikan Bejana Tekanan, Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak, Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat, Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Jentera Mengangkat, Pusat Ujian Audiometrik (Statik) dan Pusat Ujian Audiometrik (Bergerak).

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat atas usaha menerbitkan garis panduan ini. Saya berharap garis panduan ini dapat menjadi panduan yang bermanfaat dan komprehensif terutamanya kepada Jabatan, orang kompeten serta pembaca amnya.

**Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Kementerian Sumber Manusia
Malaysia
2024**

PENGHARGAAN

Jabatan ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu-individu berikut yang telah memberi sumbangan dalam pembangunan Garis Panduan Permohonan Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Orang Kompeten 2024 yang terdiri daripada :

Bil.	NAMA AHLI JAWATANKUASA	BAHAGIAN
1.	Ts. Nazruddin bin Mat Ali	Pengerusi
2.	Ir. Ts. Hazlina binti Yon	Bahagian Pengurusan Kimia
3.	En. Husdin bin Che Amat	Bahagian Keselamatan Petroleum
4.	Ts. Salina binti Tukimin	Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan
5.	En. Ahmad Nazri bin Abd Kader	Bahagian Keselamatan Industri
6.	Dr. Ahmad Fitri bin Abdullah Hair	Bahagian Kesihatan Pekerjaan
7.	En. Mohd Yunos bin Talib @ Khalid	Bahagian Higien Industri & Ergonomik
8.	En. Shahrill bin Sulaiman	Bahagian Keselamatan Industri
9.	Ts. Elaini binti Wahab	Bahagian Higien Industri & Ergonomik
10.	Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fairuz bin Ab Rahman	Bahagian Keselamatan Tapak Bina
11.	Pn. Rozleen Faizah binti Rosly	Bahagian Keselamatan Petroleum
12.	Pn. Laila binti Che Long	Bahagian Keselamatan Industri
13.	Ts. Wan Hilemi bin Wan Hussein	Bahagian Keselamatan Industri
14.	En. Mohd Radzi bin Rozihad	Bahagian Pengurusan Kimia
15.	Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori	Bahagian Keselamatan Tapak Bina
16.	Dr. Mohamad Syamir bin Senin	Bahagian Keselamatan Tapak Bina
17.	En. Mohd Faizal bin Mohd Hatta	Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan

ISI KANDUNGAN

Prakata	I
Penghargaan	II

Bil	Perkara	Halaman
1.0	PENGENALAN	2
2.0	TUJUAN	4
3.0	PEMAKAIAN	5
4.0	PENGURUSAN PERALIHAN ORANG KOMPETEN	5
5.0	STATUS ORANG KOMPETEN DI BAWAH AKTA 514	8
6.0	PANGGILAN ORANG KOMPETEN DI BAWAH AKTA 514	9
7.0	KAEDAH PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN	14
8.0	TEMPOH SAH PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN	14
9.0	SYARAT KELULUSAN PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN	14
10.0	PEMBATALAN PENDAFTARAN	15

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Orang kompeten bagi maksud garis panduan ini adalah merupakan individu atau syarikat yang mempunyai kelayakan, pengetahuan dan pengalaman bagi menjalankan aktiviti yang disenaraikan di dalam Jadual Kelima, Akta 514 dan hendaklah berdaftar dengan Ketua Pengarah menurut seksyen 31C Akta 514.
- 1.2 Melalui seksyen 31C Akta 514, bagi tujuan kawal selia pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran orang kompeten, Ketua Pengarah menentukan syarat-syarat pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran orang kompeten sebagaimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini.
- 1.3 Orang kompeten yang berdaftar di bawah seksyen 31C boleh dikategorikan seperti di dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

BIL	KATEGORI	ORANG KOMPETEN
1	Orang kompeten berkenaan loji	Operator Kren <i>Crane Operator</i>
		Orang Yang Berkelayakan Lif <i>Qualified Person Lift</i>
		Orang Yang Berkelayakan Jentera Mengangkat <i>Qualified Person Lifting Machinery</i>
		Jurutera Dandang Stim <i>Steam Boiler Engineer</i>
		Operator Dandang Stim <i>Steam Boiler Operator</i>
2	Orang kompeten berkenaan tapak bina	Penyelia Keselamatan Tapak <i>Site Safety Supervisor</i>
3	Orang kompeten berkenaan pengurusan kimia, higien industri, dan kemalangan bahaya besar	Orang Kompeten Major Hazard <i>Major Hazard Competent Person</i>
		Pengapit <i>Assessor</i>
		Penaksir Kualiti Udara Dalaman <i>Indoor Air Quality Assessor</i>
		Juruteknik Higien 1 <i>Hygiene Technician 1</i>
		Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan <i>Authorized Gas Tester and Entry Supervisor</i>
		Penaksir Risiko Bising <i>Noise Risk Assessor</i>
Juruteknik Higien 2 <i>Hygiene Technician 2</i>		
BIL	KATEGORI	NAMA ORANG KOMPETEN
4	Orang kompeten berkenaan kesihatan pekerjaan	Doktor Kesihatan Pekerjaan <i>Occupational Health Doctor</i>

Jadual 1 : Kategori Orang Kompeten (Individu)

BIL	KATEGORI	NAMA ORANG KOMPETEN
1	Orang kompeten berkenaan loji	Orang Kompeten (Syarikat) Pembinaan dan Pembaikan Dandang Stim <i>Competent Person (company) Manufacturer and Repairer for Steam Boiler</i>
		Orang Kompeten (Syarikat) Pembinaan dan Pembaikan Bejana Tekanan <i>Competent Person (company) Manufacturer and Repairer for Pressure Vessel</i>
		Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Lif, Eskalator dan Laluan Gerak <i>Competent Person (company) Installer and Dismantler of Lifts, Escalators and Walkalator</i>
		Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat <i>Competent Person (company) Manufacturer of Lifting Machinery</i>
		Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Jentera Mengangkat <i>Competent Person (company) Installer and Dismantler of Lifting Machinery</i>
2	Orang kompeten berkenaan higien industri	Pusat Ujian Audiometrik (Statik) <i>Audiometry Test Centre (PUA)</i>
		Pusat Ujian Audiometrik (Bergerak) <i>Audiometry Test Centre (Mobile)</i>

Jadual 2 : Kategori Orang Kompeten (Syarikat)

2.0 TUJUAN

2.1 Garis panduan ini bertujuan menerangkan syarat-syarat dan kelayakan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran orang kompeten di bawah Akta 514 dan pengurusan peralihan orang kompeten.

3.0 PEMAKAIAN

3.1 Garis Panduan ini terpakai kepada individu atau syarikat yang ingin memohon pendaftaran baharu atau pembaharuan pendaftaran orang kompeten yang dinyatakan dalam Akta 514 atau mana-mana peraturan di bawahnya.

4.0 PENGURUSAN PERALIHAN ORANG KOMPETEN

4.1 Seksyen 4(1) Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 [Akta 835] menyatakan bahawa :

“Tindakan, dsb., yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan

4. (1) Apa-apa pendaftaran yang dibuat, atau perintah, notis, arahan, kuasa bertulis, kebenaran, perakuan kelayakan, skim pemeriksaan khas atau **perakuan kekompetenan yang diberikan atau dikeluarkan, di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].”**

4.2 Berdasarkan peruntukan di atas dan kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah di bawah seksyen 31C dan 31E Akta 514, Ketua Pengarah telah menentukan pengurusan peralihan orang kompeten seperti berikut :

Orang kompeten individu

- a. Semua perakuan kekompetenan yang telah dikeluarkan kepada **individu** sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah **Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]** yang mempunyai tarikh luput iaitu :
 - i. **Penyelia Keselamatan Tapak;**
 - ii. **Operator Kren;**
 - iii. **Orang Kompeten Lif;** dan
 - iv. **Orang Yang Bertanggungjawab Mesin Angkat**

adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput dan boleh menjalankan fungsinya di bawah Akta 514.

Permohonan pembaharuan pendaftaran di bawah Akta 514, hendaklah dibuat secara dalam talian (sistem MyKKP) bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 mengikut syarat yang dimuat naik di dalam portal Jabatan sebelum tamat tarikh luput.

Tempoh sah pendaftaran adalah 3 tahun dari tarikh yang diluluskan;

b. Semua perakuan kekompetenan yang dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah **Akta 139** yang **tidak mempunyai tarikh luput** (Jurutera Stim dan Drebar Dandang Stim) yang :

i. **telah berdaftar** di dalam sistem MyKKP, tempoh sah pendaftaran diberikan selama 3 tahun di bawah Akta 514 bermula 1 Jun 2024 dan tarikh sah pendaftaran akan **tamat pada 31 Mei 2027**.

ii. mempunyai buku perakuan pendaftaran dalam bentuk fizikal dan **masih belum berdaftar** dengan sistem MyKKP hendaklah membuat notifikasi kepada Jabatan **sebelum atau pada 31 Disember 2024** mengikut kaedah dan syarat yang dimuat naik di dalam portal Jabatan. Tempoh sah pendaftaran adalah 3 tahun dari tarikh yang diluluskan.

Pautan kaedah dan syarat bagi Jurutera Stim :

<https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/services/enforcement/persijilan/competent-person/2207-jurutera-stim-pembakaran-dalaman>

Pautan kaedah dan syarat bagi Drebar Dandang Stim :

<https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/services/enforcement/persijilan/competent-person/2206-des-info>

Jika **gagal membuat notifikasi** kepada jabatan **sebelum atau pada 31 Disember 2024**, perakuan kekompetenannya adalah dianggap terbatal dan tidak lagi boleh mengendali atau menjaga dandang stim mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan)2024.

Orang kompeten syarikat atau firma

- a. Semua perakuan kekompetenan yang telah dikeluarkan kepada **syarikat atau firma** sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah **Akta 139 yang mempunyai tarikh luput** iaitu :
 - i. **Pembuat Dandang Stim atau Bejana Tekanan;**
 - ii. **Pembaik Pulih Dandang Stim atau Bejana Tekanan;**
 - iii. **Pemasang, Penyelenggara dan Pemeriksa Lif, Eskalator Dan Dumbwaiter;**
 - iv. **Pemasang, Penyelenggara dan Perombak Mesin Angkat;** dan
 - v. **Pembuat Mesin Angkat.**

adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput dan boleh menjalankan fungsinya di bawah Akta 514.

Permohonan pembaharuan pendaftaran di bawah Akta 514, hendaklah dibuat melalui sistem MyKKP bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 mengikut syarat yang dimuat naik di dalam portal Jabatan sebelum tamat tarikh luput.

Tempoh sah pendaftaran adalah 3 tahun dari tarikh yang diluluskan.

4.3 Bagi perakuan kekompetenan **Jurutera Enjin Pembakaran Dalam, Drebar Enjin Pembakaran Dalam** dan **Pengendali Perancah** yang telah dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah **Akta 139**, majikan atau penghuni boleh terus menggunakan khidmat mereka sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 139 sehingga suatu perundangan baharu dikeluarkan di bawah Akta 514 bagi memastikan aktiviti kerja berkaitan enjin pembakaran dalam dan perancah dapat dijalankan dengan selamat dan sihat tanpa risiko kepada kesihatan.

5.0 STATUS ORANG KOMPETEN DI BAWAH AKTA 514

5.1 Semua orang kompeten individu atau syarikat yang telah berdaftar di bawah Akta 514 juga tertakluk kepada Bahagian VIIA Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar Akta 514.

5.2 Semua perakuan pendaftaran yang dikeluarkan sebelum atau pada 31 Mei 2024 di bawah Akta 514 adalah masih sah sehingga tamat tarikh luput. Pemegang perakuan pendaftaran tersebut hendaklah membuat permohonan pembaharuan pendaftaran melalui sistem MyKKP bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 mengikut syarat yang dimuat naik di dalam portal Jabatan sebelum tamat tarikh luput.

5.3 Tempoh sah pendaftaran adalah 3 tahun dari tarikh yang diluluskan.

6.0 PANGGILAN ORANG KOMPETEN DI BAWAH AKTA 514

- 6.1 Orang kompeten individu atau syarikat yang perlu berdaftar dengan Ketua Pengarah bagi maksud menjalankan aktiviti dalam Jadual Kelima Akta 514 ditetapkan melalui piawaian yang diwujudkan di bawah Akta 514.
- 6.2 Panggilan orang kompeten individu ditetapkan melalui garis panduan ini adalah seperti di bawah:

“Doktor Kesihatan Pekerjaan” adalah panggilan kepada orang kompeten yang menjalankan pengawasan perubatan dan pemeriksaan kesihatan kepada pekerja sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019;

“Juruteknik Higien” adalah panggilan kepada orang kompeten yang memantau atau menguji persekitaran kerja, loji atau tempat kerja termasuk pemantauan pendedahan kimia bagi tujuan penyiasatan, pemeriksaan atau ujian ke atas kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dipasang di tempat kerja atau untuk menjalankan pemantauan pendedahan kimia sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000;

“Jurutera Dandang Stim” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh pemunya atau penghuni untuk mengendalikan, menangani atau menjaga mana-mana loji berkaitan dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 12(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Operator Dandang Stim” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh pemunya atau penghuni untuk mengendalikan dan menjaga mana-mana loji

berkaitan dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 12(2) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Operator Kren” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh pemunya atau penghuni untuk mengendalikan loji (kren) dengan selamat sebagaimana yang dinyatakan di dalam peraturan 15, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Orang Kompeten *Major Hazard*” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh pengilang untuk menjalankan pentaksiran atau penelitian bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan menyediakan suatu laporan bertulis sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996;

“Orang Yang Berkelayakan Jentera Mengangkat” adalah panggilan kepada orang kompeten untuk memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan berkaitan jentera mengangkat selain lif, eskalator dan laluan gerak sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Orang Yang Berkelayakan Lif” adalah panggilan kepada orang kompeten yang menjalankan aktiviti memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang berkaitan dengan lif dan eskalator sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Penaksir Kualiti Udara Dalam” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh majikan untuk melaksanakan pentaksiran kualiti udara dalam sebagaimana yang dinyatakan dalam Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalam 2010;

“Penaksir Risiko Bising” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh majikan untuk menjalankan pentaksiran risiko bising dengan memantau atau menguji persekitaran kerja loji atau tempat kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019;

“Pengapit” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh majikan untuk menjalankan pentaksiran risiko kesihatan bagi bahan kimia yang berbahaya kepada kesihatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000;

“Penguji Gas Bertauliah dan Penyelia Kemasukan” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh majikan untuk memantau atau menguji persekitaran kerja sebelum menjalankan aktiviti di dalam ruang terkurung sebagaimana yang dinyatakan dalam Tataamalan Industri Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung 2010; dan

“Penyelia Keselamatan Tapak” adalah panggilan kepada orang kompeten yang dilantik oleh kontraktor prinsipal kerja pembinaan untuk membantunya dalam mematuhi kewajipan yang dikenakan ke atasnya bagi memantau persekitaran kerja serta menyelia keselamatan di tapak bina sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 39, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024.

6.3 Panggilan orang kompeten syarikat ditetapkan melalui garis panduan ini adalah seperti di bawah:

“Orang Kompeten (Syarikat) Pembinaan & Pembaikan Dandang Stim” adalah panggilan kepada orang kompeten yang memasang, mendirikan (membina), membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis dandang stim sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Orang Kompeten (Syarikat) Pembinaan Dan Pembaikan Bejana Tekanan” adalah panggilan kepada orang kompeten yang mendirikan (membina) atau membaiki bejana tekanan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Orang Kompeten (Syarikat) Pengilang Jentera Mengangkat” adalah panggilan kepada orang kompeten yang memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Jentera Mengangkat” adalah panggilan kepada orang kompeten yang memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024;

“Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang & Pembuka Lif, Eskalator & Laluan Gerak” adalah panggilan kepada orang kompeten yang memasang, mendirikan (membina), membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau

menservis jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024; dan

“Pusat Ujian Audiometrik” adalah panggilan kepada orang kompeten untuk memantau atau menguji loji termasuk pemantauan pendedahan bunyi dan ujian audio metrik sebagaimana yang dinyatakan di dalam Tataamalan Industri Bagi Pengurusan Pendedahan Bising Pekerjaan dan Pemuliharaan Pendengaran 2019.

7.0 KAEDAH PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

7.1 Mana-mana individu atau syarikat yang berniat untuk membuat permohonan pendaftaran baharu atau permohonan pembaharuan pendaftaran sebagai orang kompeten di bawah Akta 514 bermula 1 Jun 2024, hendaklah dibuat melalui sistem MyKKP bersama fi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 mengikut syarat yang dimuat naik di dalam portal Jabatan.

8.0 TEMPOH SAH PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

8.1 Tempoh sah pendaftaran orang kompeten adalah selama tiga (3) tahun seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 31D Akta 514.

9.0 SYARAT KELULUSAN PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN

9.1 Orang Kompeten yang telah diluluskan pendaftarannya oleh Ketua Pengarah hendaklah:

- a. tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah;
- b. mematuhi Akta 514 dan peraturan-peraturan di bawahnya dan kod amalan industri; dan
- c. menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang telah dinyatakan di dalam Akta 514, peraturan-peraturan dan kod amalan industri di bawahnya.

10.0 PEMBATALAN PENDAFTARAN

10.1 Ketua Pengarah boleh membatalkan mana-mana pendaftaran orang kompeten seperti mana yang dinyatakan di dalam seksyen 31F Akta 514 iaitu :

- a. telah gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;
- b. telah gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran;
- c. telah mendapatkan atau memperoleh pendaftarannya dengan fraud atau salah nyataan; atau
- d. tidak lagi sesuai untuk bertindak sebagai orang kompeten atau penyedia latihan berdaftar.